

Menggunakan Model Penilaian CIPP Untuk Mengukur Pencapaian Pelajar dalam Kemahiran Interaksi Pertuturan dalam Bahasa Melayu

(Using The CIPP Assessment Model to Measure Student Achievement in Spoken Intraction Skills in Malay Language)

Pairah Bte Satariman¹, Dahlia Janan^{2*}

¹Fakulti Bahasa & Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: pai_57@yahoo.com.sg

²Fakulti Bahasa & Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: dahlia@fbk.upsi.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Dahlia Janan

(dahlia@fbk.upsi.edu.my)

KATA KUNCI:

Kurikulum

Semakan kurikulum

Pertuturan dua hala

Spontan

Pelaksanaan

KEYWORDS:

Curriculum

Curriculum review

Two-way communication

Spontaneous

Implementation

CITATION:

Pairah Satariman, & Dahlia Janan. (2025). Menggunakan Model Penilaian CIPP Untuk Mengukur Pencapaian Pelajar dalam Kemahiran Interaksi Pertuturan dalam Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(2), e003270.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i2.3270>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur pencapaian pelajar dalam kemahiran interaksi pertuturan dalam Bahasa Melayu (BM) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Kedua-dua kaedah, iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif digunakan untuk mengumpulkan data. Model Penilaian CIPP oleh [Stufflebeam \(2003\)](#) dipilih untuk menilai program ini. Model penilaian ini mengandungi empat komponen, iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Kajian ini hanya menggunakan penilaian produk untuk mengukur pencapaian pelajar. Seramai tiga orang guru terlibat dalam temu bual, sementara 15 orang pelajar dipilih untuk ujian pertuturan dan lima orang pelajar untuk temu bual. Dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, para pelajar boleh bertutur secara interaktif (dua hala) tetapi mengalami banyak kesukaran untuk bertutur secara lancar, spontan dan yakin. Para guru dan pelajar yang menjadi responden memberikan maklum balas tentang beberapa keprihatinan yang berkaitan dengan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan ini seperti buku, teks, buku aktiviti, bahan-bahan bukan bercetak yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan masa kurikulum yang tidak mencukupi, latihan guru dan aktiviti sokongan. Dapatan kajian ini memberikan implikasi kepada semakan kurikulum pada masa akan datang, pembina kurikulum, pembina bahan pengajaran, guru-guru Bahasa Melayu dan juga kepada organisasi yang menjalankan latihan bagi para guru yang sedang berkhidmat di sekolah dan juga bakal guru yang akan menyertai bidang perguruan.

ABSTRACT

This study aims to measure students' achievement in spoken interaction skills in Malay Language which has been implemented since 2011. This study uses a mixed method, which is a quantitative method and a qualitative method to collect data. The CIPP Evaluation Model by [Stufflebeam \(2003\)](#) was chosen to evaluate the program. This evaluation model contains four components, namely context evaluation, input evaluation, process evaluation and product evaluation. This study only uses product evaluation to measure student achievement. A total of three teachers were involved in the interview, while 15 students were selected for the speaking test and three students for the interview. The findings show that overall, the students can speak interactively (two-way) but experience many difficulties to speak fluently, spontaneously and confidently. The teachers and students who were respondents gave feedback on some concerns related to the implementation of these spoken interaction skills such as teaching and learning materials and insufficient curriculum time, teacher training and support activities. The findings shows implications for curriculum review in the future, curriculum builders, teaching material builders, Malay teachers and also for organizations that conduct training for trainee teachers and in-service teachers.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan serta kesedaran yang lebih tinggi tentang kepentingan kemahiran interaksi pertuturan dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya di sekolah-sekolah. Pengetahuan dan kesedaran ini penting agar semakan kurikulum terus dilakukan dari masa ke semasa untuk menilai keberkesanan kurikulum yang digunakan dan melakukan penambahbaikan yang diperlukan.

1. Pengenalan

Singapura mengamalkan dasar dwibahasa dalam sistem pendidikannya. Menurut [Gopinathan \(1998\)](#), antara lain dasar ini diamalkan adalah untuk menggalakkan penggunaan bahasa ibunda bagi memastikan bahawa pengetahuan tentang pengenalan dengan budaya tradisional dan nilainya akan menghalang penyahbudayaan dan pengasingan. Selain itu, dasar ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa neutral untuk membolehkan semua kaum bersaing secara sama rata, memberi peluang kepada rakyat Singapura menggunakan dan mendapat manfaat daripada status bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan sebagai bahasa komunikasi moden, sains dan teknologi ([Gopinathan, 1998](#)).

Menurut [Lee \(2012\)](#), bahasa Inggeris dipilih oleh pemerintah Parti Tindakan Rakyat (PAP) sebagai bahasa kerja Singapura memandangkan kepentingannya sebagai bahasa perniagaan antarabangsa, diplomasi dan teknologi. Pengetahuan umum bahasa Inggeris juga akan mengikat kumpulan etnik yang berbeza dengan membolehkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain. Selain bahasa Inggeris, [Lee \(2012\)](#) dengan tegas percaya bahawa mengetahui bahasa ibunda seseorang adalah perlu kerana ia menyediakan akses kepada warisan budaya seseorang, dengan sekaligus mengukuhkan nilai dan semangat kekitaan budaya seseorang ([Lee, 2012](#)).

Setelah beberapa dekad dilaksanakan, dasar dwibahasa ini berupaya untuk membuahkan hasil seperti yang dinyatakan oleh Lee Shien Loong (pada masa itu menjadi perdana menteri) dalam satu ucapan di majlis penyampaian Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB). Menurut beliau, dasar dwibahasa yang diamalkan di Singapura memberikan manfaat kepada rakyat Singapura bukan sahaja dalam ekonomi tetapi juga dalam komunikasi dengan masyarakat lain. Menurut beliau lagi, warga Singapura fasih berbahasa Inggeris untuk bersaing dalam ekonomi global. Pada masa yang sama, mereka menggunakan bahasa ibunda untuk berhubung dengan masyarakat Asia (Dolhamid, 2016).

Kementerian Pendidikan (MOE) menjalankan semakan kurikulum pada tahun 2010 kerana didorong oleh dua perkembangan. Pertama, persekitaran bahasa di rumah di Singapura yang sedang berubah melibatkan penggunaan bahasa Inggeris yang lebih luas berbanding dengan penggunaan bahasa ibunda. Kedua, perkembangan dan kemajuan dalam pemerolehan dan pengajaran bahasa di negara-negara lain yang menyebabkan lebih ramai orang berminat untuk mempelajari bahasa kedua (MOE, 2010). Dalam semakan tersebut, sebuah Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu telah ditubuhkan untuk menyemak semula kurikulum Bahasa Melayu yang digunakan (MOE, 2010). Laporan yang dikeluarkan oleh MOE pada tahun 2010 berdasarkan perbincangan dan tinjauan yang dilakukan, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda yang berbeza-beza bagi masyarakat yang mempunyai latar belakang yang berlainan di Singapura. Hal ini memberikan kesan terhadap persekitaran pertuturan dan pembelajaran bahasa ibunda bagi para pelajar. Menurut laporan ini lagi, bahasa yang digunakan di rumah didapati berupaya mempengaruhi sikap dan kecekapan pelajar dalam bahasa ibunda. Para pelajar yang datang dari rumah yang menggunakan bahasa Inggeris kurang gemar belajar bahasa ibunda (MOE, 2010).

1.1. Permasalahan Kajian


Semakan kurikulum yang dilakukan pada tahun 2010 oleh MOE menunjukkan terdapat kemerosotan yang perlahan tetapi konsisten dalam penggunaan BM dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu (BM) di rumah (MOE, 2010). Dalam tinjauan yang dijalankan oleh MOE (2010), didapati penekanan terhadap penggunaan bahasa Inggeris meninggalkan kesan terhadap penggunaan dan penguasaan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat. Semakin ramai penduduk khususnya para pelajar menghadapi masalah bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing. Dalam konteks masyarakat Melayu contohnya, mereka menghadapi masalah untuk meluahkan perasaan secara lisan dan kesukaran mencari perkataan Melayu yang sesuai dengan perasaan atau pendapat yang ingin diluahkan.

Hasil tinjauan MOE ini juga menunjukkan lebih ramai keluarga Melayu yang mula menggunakan bahasa Inggeris di rumah dan jumlahnya semakin hari semakin bertambah. Hal ini menjadikan pelajar lemah dari segi penguasaan kosa kata dan struktur ayat bahasa Melayu yang sesuai (MOE, 2010). Hal ini dikuatkan lagi dengan laporan berdasarkan tinjauan dan pemantauan yang dijalankan oleh MOE di sekolah-sekolah pada tahun 2015. Laporan menunjukkan bahawa trend penggunaan Bahasa Inggeris yang semakin meningkat, memberikan impak terhadap kebolehan berkomunikasi para pelajar Bahasa Melayu terutamanya dalam pertuturan yang melibatkan dua hala. Ketika ditanyakan soalan secara spontan atau ketika dalam aktiviti yang melibatkan perbincangan atau perbualan, para pelajar mengalami kesukaran untuk memberikan tindak balas yang diharapkan. Selain itu, para pelajar tidak lancar dan spontan semasa berkomunikasi

menggunakan BM. Trend ini dikuatiri akan berlanjutan dan memberikan impak yang serius kepada pemerolehan BM pelajar khususnya dalam kemahiran bertutur secara dua hala (MOE, 2015). Keadaan ini menyebabkan MOE mengambil tindakan segera dan proaktif untuk menangani situasi ini. Dalam pelaksanaan sukatan pelajaran yang disemak semula pada tahun 2010, MOE memberikan tumpuan dan penekanan yang lebih pada kemahiran interaksi pertuturan untuk memperkukuh kemahiran interaksi pertuturan pelajar (MOE, 2011). Sebagai sokongan terhadap pelaksanaan kemahiran ini, MOE telah membina sukatan pelajaran baharu, bahan-bahan bercetak dan bukan bercetak seperti bahan digital serta menyediakan latihan guru.

Trend penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar semakin meningkat dan hal ini dikukuhkan lagi dengan hasil tinjauan terhadap penggunaan bahasa pelajar dari tahun 1980 hingga tahun 2020 oleh [Department of Statistics Singapore \(2021\)](#). **Rajah 1** menunjukkan hasil tinjauan tentang peratusan penggunaan BM di rumah yang merosot dari 97.7% pada tahun 1980 ke 60.7% pada tahun 2020. Penggunaan BI pula meningkat dari 2.3% pada tahun 1980 ke 39.0% pada tahun 2020.

Rajah 1: Bahasa Yang Paling Kerap Digunakan di Rumah (Melayu)



Sumber: [Department of Statistics Singapore \(2021\)](#)

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan kemahiran ini bagi mengukur keberkesanan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang diberikan penekanan dan juga untuk mengetahui keprihatinan para guru yang mengajar dan tahap pencapaian objektif pelaksanaannya dan hasil yang diharapkan. Seterusnya beberapa pembaikan boleh disarankan kepada pihak penggubal dan pembina kurikulum dan bahan pengajaran serta latihan guru bagi mempertingkatkan usaha dan keupayaan setiap yang terlibat dalam melaksanakan kemahiran interaksi pertuturan di sekolah-sekolah. Selain itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan untuk memperbaiki semua aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan kemahiran ini. Oleh yang demikian, penilaian terhadap pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang menjadi tumpuan dalam kajian ini amat penting dan perlu dilakukan.

Penilaian yang teliti ke atas pelaksanaan kurikulum yang ada ini perlu sebagaimana yang ditekankan oleh [Pawilen \(2019\)](#) yang berpendapat bahawa penilaian kurikulum ialah proses untuk menilai sesebuah kurikulum dari segi filosofi, matlamat, objektif, kandungan pengalaman pembelajaran dan penilaian. Oleh itu, proses penilaian ini dilakukan untuk

mengenal pasti kekuatan sesebuah kurikulum yang sedia ada atau kurikulum yang sedang dibangunkan agar pembaikan dapat dilakukan terhadap kurikulum tersebut. Keputusan penilaian digunakan sebagai satu cara untuk menilai, mengawasi, memperbaharui atau menambahbaikkan kurikulum secara berterusan.

1.2. Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengukur pencapaian pelajar menengah 3 yang mengambil BM dalam kemahiran interaksi pertuturan (dua hala) setelah mereka mempelajari kemahiran ini selama beberapa tahun. Tahap pencapaian pelajar akan diketahui dan perkara-perkara yang menjadi keprihatian dalam pembelajaran dan pencapaian mereka juga boleh dikenal pasti. Seterusnya beberapa saranan untuk pembaikan dapat diusulkan.

Kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP oleh [Stufflebeam \(2003\)](#). Model ini mengandungi empat komponen, iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Kajian ini hanya akan menumpukan pada penggunaan penilaian produk untuk menjawab soalan kajian, iaitu:

- i. Bagaimanakah penguasaan kemahiran pertuturan para pelajar sekolah menengah yang mempelajari kemahiran interaksi pertuturan?

2. Sorotan Literatur

Kemahiran interaksi pertuturan dalam kurikulum yang disemak semula oleh MOE ini merujuk kepada kemahiran berkomunikasi secara dua hala ([MOE, 2010](#)). Pembelajaran akan lebih aktif apabila para pelajar diajar menggunakan bahasa secara aktif dan interaktif dalam pelbagai latar kehidupan sebenar termasuklah menggunakan bahasa untuk mempelajari budaya bahasa tersebut ([MOE, 2010](#)). Michael Long dalam kertas kerjanya yang berjudul '*The Role of the Linguistic Environment in Second Language Acquisition*' mengemukakan teori yang dinamakan *Interaction Hypothesis*, satu teori tentang pemerolehan bahasa kedua yang mengatakan bahawa kecekapan bahasa boleh diperoleh melalui interaksi dan komunikasi bersemuka ([Johnson & Johnson, 1999](#)). Teori ini menekankan kepentingan pertukaran perbualan dalam membina makna dan merundingkan pemahaman dalam pembangunan bahasa kedua. Mempraktikkan perundingan makna semasa komunikasi membantu seseorang memperhalusi kebolehan bahasa dan meningkatkan kecekapan bahasa secara keseluruhan ([Long, 1996](#)). Pendapat ini sejajar dengan [Swain \(1995\)](#) yang menyatakan bahawa semasa dalam komunikasi para pelajar akan cuba mencari kosa kata yang diperlukan apabila mereka berasa ada jurang antara perkara yang diketahui dengan perkara yang tidak diketahui mereka. Kesedaran secara kognitif ini akan membantu pelajar menjana pengetahuan linguistik baharu yang diperlukan untuk meneruskan komunikasi dan secara tidak langsung mengukuhkan lagi pengetahuan sedia ada mereka. [Swain \(1995\)](#) selanjutnya menerangkan bahawa dalam sesuatu perbualan jika seseorang penutur tidak faham apa yang dituturkan oleh pihak lain, penutur tersebut akan meminta penjelasan daripada pihak tersebut. Proses ini dipanggil '*modification output*'. Penutur tersebut akan menggunakan '*communicative strategies*' untuk meneruskan komunikasi.

Menurut [Ellis \(2009\)](#), semasa berkomunikasi pelajar sebenarnya sedang mengukuhkan kelancaran dan kespontanan dalam mengekspresikan pandangan ketika mereka menggunakan bahasa atau output yang secara langsung membina input secara automatik. Kajian yang dijalankan oleh [Izumi dan Bigelow \(2000\)](#) serta [Izumi \(2003\)](#) menyokong

pandangan bahawa dalam *hipotesis output*, peluang menggunakan bahasa membantu pelajar dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa sasaran.


3. Metod Kajian

Untuk kajian ini, penyelidik menggunakan bentuk kajian campuran untuk menjawab soalan dan objektif kajian. [Creswell \(2009\)](#) mentakrifkan secara meluas bahawa penyelidikan kaedah campuran ini sebagai penyelidikan di mana penyiasat mengumpulkan dan menganalisis data, menyepadukan penemuan dan membuat inferens menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendapat yang serupa diutarakan oleh [Johnson dan Christensen \(2014\)](#) yang mengatakan bahawa penyelidikan menggunakan kaedah campuran ialah jenis penyelidikan di mana penyelidik atau pasukan penyelidik menggabungkan elemen pendekatan penyelidikan kualitatif dan kuantitatif untuk tujuan keluasan dan kedalaman pemahaman dan pengesahan.

Dalam kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif dan kajian kualitatif, gabungan penggunaan kedua-dua bentuk kajian ini berupaya menghasilkan dapatan kajian yang lebih baik. Tujuan penggunaan kedua-dua kaedah ini adalah untuk mencapai satu dapatan yang komprehensif dan menyeluruh mengenai perkara yang dikaji. Oleh itu, dengan menggabungkan kedua-dua kaedah ini kelemahan yang terdapat dalam kajian berbentuk kuantitatif akan dapat ditampung oleh kelebihan yang terdapat dalam kajian yang berbentuk kualitatif dan begitu sebaliknya.

Model Penilaian CIPP oleh [Stufflebeam \(2003\)](#) dipilih untuk kajian ini. Model ini mengandungi empat komponen, iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk seperti yang terdapat dalam [Rajah 2](#) berikut.

Rajah 2: Komponern Model CIPP [Stufflebeam \(2003\)](#)



Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan hanya penilaian produk untuk menjawab soalan kajian. Penilaian produk dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menilai hasil daripada pelaksanaan program atau kurikulum tersebut. Penilaian yang dilakukan untuk mengetahui pencapaian kemahiran interaksi pertuturan melalui program itu, secara jangka pendek atau panjang.

Model Penilaian CIPP ini dipilih kerana mempunyai kelebihan yang lebih ketara berbanding dgn model-model penilaian lain. Kelebihan menggunakan Model CIPP ini diakui oleh beberapa orang penyelidik. Antaranya ialah [Alkin \(2004\)](#) yang mengatakan bahawa model ini memberikan tumpuan untuk penilaian menampung keperluan

pembuat keputusan; fokus pada bagaimana maklumat akan digunakan; instrumen penting dalam mengiktiraf bahawa penilaian tidak perlu menunggu sehingga tamat sesuatu program harus mula berlaku walaupun sebelum program bermula; menyediakan maklumat yang diperlukan kepada mereka yang akan menggunakan penilaian dan maklum balas yang pantas diperoleh dan menggalakkan maklum balas yang berterusan. [Karayan dan Gathercoal \(2005\)](#) pula berpendapat bahawa kekuatan model ini ialah model ini tidak direka bentuk dengan sebarang program atau penyelesaian khusus dalam fikiran. Oleh itu, ia boleh digunakan dengan mudah dalam pelbagai situasi penilaian.

Untuk mendapatkan data, ujian pertuturan dan temu bual dijalankan. Seramai 20 orang pelajar menengah 3 yang mengambil BM Kursus Ekspres dipilih secara rawak daripada sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti. Seramai 15 orang pelajar terlibat dalam ujian pertuturan dan lima orang pelajar pula terlibat dalam temu bual. Sementara itu, tiga orang guru dipilih untuk menjadi responden dalam temu bual. Guru-guru ini mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu antara 12-30 tahun dan memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan dan Ketua Subjek Bahasa Melayu di sekolah masing-masing.

Ujian pertuturan yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan dan pencapaian sebenar pelajar dalam kemahiran interaksi pertuturan setelah mereka mengikuti pelajaran sejak di menengah 1. Ujian yang dijalankan diharap dapat mengumpulkan maklumat untuk memberikan respons kepada persoalan kajian dalam penilaian produk yang bertujuan untuk mengukur penguasaan dan pencapaian kemahiran interaksi pertuturan pelajar dalam BM.

Bagi ujian pertuturan ini, penyelidik menggunakan item yang disediakan oleh pihak MOE bagi menyokong para guru dalam mengendalikan penilaian berasaskan sekolah (*School-based Assessment*). Item yang dibina ini mengikut format dan garis panduan atau pengkhususan (*specifications*) yang ditetapkan pada tahun 2014 oleh Lembaga Peperiksaan dan Penilaian, Singapura (SEAB) badan yang bertanggungjawab dalam peperiksaan nasional di Singapura termasuk ujian pertuturan bagi kertas BM. [Jadual 1](#) menunjukkan perkara yang dinilai dalam ujian pertuturan yang diadaptasi daripada format dan panduan daripada SEAB (2014). Seterusnya, penyelidik menggunakan deskriptor untuk menilai keupayaan pelajar bertutur secara interaktif. Skala Likert Lima Mata digunakan dalam ujian yang dinilai sebagai Cemerlang=(C), Baik= (B), Sederhana=(S), Lemah= (L) dan Sangat Lemah= (SL).

Jadual 1: Perkara yang Dinilai dalam Ujian Pertuturan Adaptasi daripada SEAB, 2014


Perkara	Item
Respons Peribadi & Pengembangan Idea	Memberikan respons peribadi yang sesuai tentang topik perbualan Berupaya mengembangkan idea dengan jelas dan koheran Berupaya mengembangkan idea dengan memberikan contoh yang sesuai
Keupayaan Bertutur dan kelancaran	Berupaya memberikan respons dengan spontan Berupaya mengekalkan perbualan Berupaya bertutur secara interaktif dengan lancar Menggunakan sebutan baku secara konsisten dengan kelancaran dan intonasi yang sesuai
Bahasa	Menggunakan kosa kata dan ayat-ayat yang sesuai dan gramatis

Sumber: [Singapore Examination and Assessment Board \(2014\)](#)

Semasa ujian pertuturan pelajar akan diajukan tiga soalan rangsangan mengenai video yang telah ditonton lebih awal. Pelajar diharap berupaya memberikan respons dengan spontan, menggunakan intonasi yang sesuai dan sebutan baku yang betul serta dapat mengekalkan perbualan. Kesemua perbualan ini dirakam untuk memudahkan penyelidik memastikan data yang diperoleh tepat. Berdasarkan rakaman ini, penyelidik memberikan penilaian berdasarkan aspek-aspek penting yang telah dikenal pasti. Aspek-aspek yang dinilai ialah respons peribadi dan pengembangan idea, keupayaan bertutur, sebutan dan kelancaran serta bahasa.

Sebanyak tiga temu bual dijalankan yang melibatkan tiga orang guru dan lima temu bual yang melibatkan lima orang pelajar. Temu bual yang dijalankan oleh penyelidik ialah temu bual berstruktur. Beberapa soalan temu bual sudah disediakan terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dijalankan. Soalan-soalan tambahan akan diajukan sekiranya perlu khususnya untuk mendapatkan penerangan lanjut. Semua temu bual kajian ini dilakukan secara bersemuka. Penyelidik membuat janji temu dengan guru-guru dan pelajar untuk menjalankan temu bual di tempat dan masa yang telah dipersetujui. [Rajah 3](#) menunjukkan proses sesi temu bual untuk kajian ini.

Rajah 3: Proses Sesi Temu Bual Yang Dijalankan



Sebelum temu bual dan ujian pertuturan dijalankan, penyelidik mendapatkan keizinan secara bertulis daripada pihak kementerian Pendidikan Singapura dan kebenaran daripada pengetua atau pentadbir sekolah-sekolah yang dipilih secara rawak. Persetujuan kedua-dua responden guru dan pelajar juga diperoleh. Pertemuan dengan para responden dilakukan untuk menerangkan tujuan kajian yang dijalankan serta perbincangan tentang waktu, tarikh dan tempat bagi sesi temu bual dan ujian pertuturan. Penyelidik menjalankan sesi temu bual berdasarkan jadual dan masa yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Semasa sesi temu bual dijalankan, penyelidik mengajukan soalan-soalan temu bual yang telah disediakan lebih awal. Jika terdapat keperluan, penyelidik bertanya soalan tambahan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan kepastian atau maklumat lanjut daripada responden tentang perkara yang diperkatakan.

Kesemua sesi temu bual yang dijalankan dirakamkan untuk memudahkan penyelidik melakukan transkripsi perbualan. Setelah semua sesi temu bual dijalankan, penyelidik melakukan transkripsi bagi setiap temu bual tersebut. Seterusnya transkrip temu bual yang disediakan dikongsikan dengan responden untuk mendapatkan pengesahan responden kajian terhadap temu bual yang telah dilaksanakan. Akhir sekali, transkrip-transkrip responden kajian dianalisis bersama dengan data-data yang diperoleh menggunakan instrumen lain yang digunakan dalam kajian.

4. Hasil Kajian

Dapatan menunjukkan bahawa kesemua pelajar yang diuji dalam kemahiran interaksi pertuturan secara keseluruhan menunjukkan bahawa mereka boleh bertutur walaupun tidak kesemuanya boleh memberikan respons yang diinginkan. Penyelidik perlu mengajukan soalan-soalan tambahan lain untuk membantu mereka memberikan respons tentang video yang ditonton. Kebanyakan pelajar mengalami kesukaran untuk bertutur secara lancar dan yakin. [Jadual 2](#) di bawah ini memberikan gambaran keseluruhan pencapaian pelajar dalam ujian pertuturan yang dijalankan.

Jadual 2: Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pertuturan

Fokus	Item	Pencapaian (%)
Respons Peribadi & Pengembangan Idea	Memberikan respons peribadi yang sesuai tentang topik perbualan	80
	Berupaya mengembangkan idea dengan jelas dan koheran	59.9
	Berupaya mengembangkan idea dengan menggunakan contoh	53.3
Keupayaan Bertutur dan Kelancaran	Berupaya memberikan respons dengan spontan	39.9
	Berupaya mengekalkan perbualan	40
	Berupaya bertutur dengan lancar dan kelajuan yang sesuai	33.3
	Menggunakan sebutan baku secara konsisten dan intonasi yang sesuai	80
Bahasa	Menggunakan kosa kata dan ayat-ayat yang sesuai dan gramatis	40

[Jadual 2](#) menunjukkan pencapaian pelajar dalam ujian pertuturan yang dijalankan. Seramai 80 peratus pelajar menunjukkan pencapaian yang cemerlang atau baik dalam memberikan respons peribadi yang berkaitan dengan tajuk perbualan. Hal ini kerana isu yang dipaparkan dalam video ini merupakan perkara lazim yang dialami oleh para pelajar dalam aktiviti harian mereka termasuklah pengalaman mereka semasa di sekolah. 59.9 peratus pelajar pula berupaya mengembangkan idea dengan jelas dan koheran. Namun hanya 53.3 peratus menunjukkan pencapaian yang cemerlang dan baik untuk mengembangkan idea dengan menggunakan contoh. Selebihnya sebanyak 46.6 peratus menunjukkan pencapaian pelajar yang sederhana dalam memberikan contoh. Kumpulan pelajar ini tidak dapat memberikan contoh yang sesuai dengan idea yang dikembangkan oleh mereka.

Mengenai keupayaan dan kelancaran pula, hanya 39.9 peratus pelajar boleh memberikan respons secara spontan dengan cemerlang dan baik. Kebanyakan kumpulan ini atau 60.1 peratus pelajar hanya menunjukkan pencapaian yang sederhana dan mengambil masa untuk berfikir dan seringkali teragak-agak untuk berbual. Semasa ujian dijalankan, para pelajar ini mengalami kepayahan untuk menggunakan kosa kata yang sesuai dan ada pelajar yang menggunakan perkataan dalam BI untuk menyampaikan idea mereka. Oleh sebab itu, hanya 40 peratus pelajar yang diuji dapat mengekalkan perbualan dan hanya 33.33 peratus pelajar yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang dan baik untuk bertutur dengan lancar dan kelajuan yang sesuai. Mereka perlu diberi beberapa soalan rangsangan lain yang berkaitan dengan perkara atau idea yang ingin dikemukakan untuk membantu mereka meneruskan perbualan. Ada kalanya penyelidik perlu memparafrasa soalan atau mengulang beberapa kali soalan yang diajukan untuk membantu pelajar

memahami kehendak soalan dengan lebih baik. Secara keseluruhan, 80 peratus pelajar boleh menggunakan sebutan baku secara konsisten dan intonasi yang sesuai. Hal ini kerana para pelajar ini sudah terlatih untuk menggunakan sebutan baku sejak mula menjejaskan kaki ke darjah satu.

Dalam aspek bahasa pula, hanya 40 peratus pelajar yang cemerlang dan baik dalam menggunakan perkataan-perkataan dan ayat-ayat yang sesuai dan gramatis semasa sesi perbualan. Manakala, 60 peratus pelajar menunjukkan pencapaian yang sederhana sahaja. Kebanyakan perkataan yang digunakan adalah perkataan yang mudah dan kalanya kurang tepat. Terdapat juga banyak kesalahan tatabahasa dalam ayat-ayat yang digunakan mereka.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa para pelajar boleh bertutur secara bersemuka dan interaktif tetapi kurang lancar dan kurang spontan. Hal ini diakui oleh para guru dan pelajar yang ditemu bual. Beberapa contoh respons guru dan pelajar mengenai perkara ini diberikan di [Jadual 3](#):


Jadual 3: Respons Guru dan Pelajar tentang Keupayaan Pelajar Bertutur Secara Interaktif

Responden	Petikan Temu Bual
Guru	<i>...para pelajar tidak boleh bercakap dalam bahasa Melayu, bertutur pun sukar dan tidak yakin apatah lagi kita inginkan interaksi atau perbualan. Jadi mereka bercakap agak tersekat-sekat.</i> <i>Saya rasa dari segi pelajar, kurangnya penguasaan kosa kata dan bahasa untuk berinteraksi.</i> <i>... pelajar tidak berkeupayaan untuk menggunakan laras bahasa yang sesuai sewaktu bertutur. Pelajar tidak berupaya bertutur dengan yakin dan kekokokan pertuturan mereka kerana tidak biasa bertutur dalam bahasa Melayu.</i>
Pelajar	<i>Kadang-kadang gagap bila bercakap depan kawan-kawan. Saya lebih suka bercakap dalam bahas Inggeris.</i> <i>Hmm... ada juga masalah. Kadang-kadang saya tak tahu perkataan yang nak digunakan. Kalau bercakap depan kelas seperti berlakon, saya takut dan tak berapa yakin.</i> <i>Ya, ada masalah. Kadang-kadang ok. Tapi selalunya susah nak cakap dengan orang lain dalam kelas. Tak tahu perkataan Melayu.</i> <i>Ada juga masalah. Saya selalu tanya Cikgu atau kawan saya yang lebih pandai. Saya kena berlatih banyak kali baru boleh buat perkongsian, kalau tidak saya tak yakin boleh buat.</i>

[Jadual 3](#) menunjukkan bahawa kedua-dua responden guru dan pelajar mengatakan bahawa para pelajar mengalami kesukaran untuk bertutur secara interaktif dan lancar. Pelajar tidak yakin dan berasa kekok untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka bercakap dengan tersekat-sekat dan salah satu faktor hal ini berlaku adalah disebabkan oleh kekurangan penguasaan kosa kata dalam bahasa Melayu.

Respons guru dan pelajar yang ditemu bual di atas digambarkan dalam [Rajah 4](#) berikut.

Rajah 4: Sebab-sebab Pelajar Kurang Lancar dan Spontan Dalam Pertuturan



Respons guru dan pelajar dalam temu bual yang diberikan dalam [Rajah 4](#) menerangkan punca tahap pencapaian pelajar dalam ujian pertuturan yang dijalankan. Pelajar sememangnya menghadapi kesukaran untuk bertutur secara spontan dan dengan lancar. Kesukaran ini disebabkan oleh beberapa faktor yang dikemukakan, iaitu kekurangan kosa kata dalam BM, berasa tidak yakin, kurang upaya untuk menggunakan laras bahas yang baik, kurang biasa menggunakan BM dalam aktiviti harian mereka. Oleh sebab itu, mereka gagap dan bertutur dengan tersekat-sekat, berasa takut, malu, kurang yakin dan selalu memerlukan bantuan guru atau kawan-kawan yang lebih baik dalam BM untuk terlibat dalam aktiviti yang dijalankan.

5. Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, para pelajar yang menjalani ujian pertuturan boleh bertutur dan memberikan respons terhadap soalan rangsangan yang diajukan oleh penyelidik tentang video yang ditonton. Namun dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar memerlukan banyak bantuan seperti soalan rangsangan tambahan, pengulangan soalan rangsangan dan beberapa soalan rangsangan yang perlu diparafrasa. Begitu juga semasa ujian pertuturan pelajar banyak membuat kesalahan tatabahasa dan menggunakan perkataan Inggeris dalam pertuturan mereka. Keadaan ini berpunca daripada kurangnya penguasaan kosa kasa dan pengetahuan tatabahasa pelajar. Dapatan kajian ini tentang kesukaran pelajar dalam pertuturan oleh sebab kurangnya kosa kata sejajar dengan dapatan kajian [Humaera \(2015\)](#) serta [Leong dan Ahmadi \(2017\)](#) Kajian mereka mendapati bahawa kelemahan dan kekurangan pengetahuan bahasa dan kosa kata bahasa sasaran boleh menimbulkan kegelisahan dalam diri pelajar, menjejaskan motivasi dan keyakinan diri mereka dan hal ini menghalang mereka secara mental untuk bertutur. Kesan kekurangan kosa kata seperti yang dialami oleh para pelajar telah pun dibuktikan oleh [Muliadi \(2018\)](#) dalam kajian yang dilakukannya. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa kebolehan bertutur pelajar banyak dipengaruhi oleh penguasaan kosa kata mereka. Penguasaan kosa kata dan kebolehan bertutur mempunyai perkaitan yang rapat antara satu sama lain

memandangkan kosa kata merupakan satu cabang kemahiran bertutur. Ia juga merupakan asas kepada keupayaan bertutur yang lebih baik yang mempunyai hubungan dengan aspek bahasa yang lain. Dapatan kajian ini juga disokong oleh dapatan kajian [Halik dan Jayasundara \(2021\)](#) yang mengatakan bahawa akibat penguasaan kosa kata pelajar yang rendah, kefasihan dalam komunikasi bertulis dan lisan boleh terganggu. Khususnya, kekurangan perbendaharaan kata menjadi penghalang kepada pelajar untuk komunikasi dalam aktiviti harian mereka.

Dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan rujukan atau panduan bagi memikirkan cara-cara untuk melakukan penambahbaikan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan khususnya dalam pemerolehan kemahiran interaksi pertuturan pelajar. Antara langkah yang boleh diambil dan juga dicadangkan oleh guru dan pelajar adalah:

- i. memberikan panduan untuk pelajar menjawab soalan-soalan secara lisan;
- ii. mengadakan bengkel kosa kata yang boleh membantu pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran interaksi pertuturan;
- iii. membanyakkan latihan bertutur yang menggalakkan pelajar untuk memberikan idea secara spontan;
- iv. menyediakan lebih banyak aktiviti bagi membina kosa kata pelajar untuk membantu mereka dalam kemahiran interaksi pertuturan; dan
- v. menganjurkan aktiviti sokongan seperti pertandingan dalam Bahasa Melayu contohnya kuiz, bahas, peraduan sketsa, berbalas pantun dan perkhemahan bahasa kerana selain memberikan peluang kepada pelajar dalam pertuturan, aktiviti sebegini dapat membantu dan menggalakkan pelajar menambahkan usaha untuk mencapai pencapaian yang lebih baik.

Dapatan kajian ini mempunyai implikasi kepada pihak yang berkepentingan seperti pembina sukatan pelajaran BM dan bahan-bahan pengajaran BM, para guru, institusi yang menyediakan latihan bagi guru pelatih dan guru dalam perkhidmatan. Selain itu, dapatan kajian memberikan implikasi terhadap organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan BM dan penyelidik yang berhasrat untuk menjalankan kajian lanjutan atau kajian yang berkaitan.

Dapatan kajian yang dijalankan pada keseluruhannya telah menyumbang kepada pengetahuan serta kesedaran yang lebih tinggi tentang kepentingan kemahiran interaksi pertuturan dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya di sekolah-sekolah. Pengetahuan dan kesedaran ini penting agar semakan kurikulum terus dilakukan dari masa ke semasa untuk menilai keberkesanan kurikulum yang digunakan dan melakukan penambahbaikan yang diperlukan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada pihak Kementerian Pendidikan Singapura secara bertulis dan juga daripada pengetua atau pentadbir sekolah untuk

mengumpulkan data bagi kajian yang dijalankan ke atas responden guru dan pelajar di sekolah-sekolah yang dipilih secara rawak.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ucapan terima kasih kepada para pengetua sekolah-sekolah menengah, responden guru dan pelajar yang terlibat dan telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak. Namun penerbitan artikel ini mendapat sokongan kewangan daripada pihak UPSI.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan berkenaan penyelidikan dan penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Alkin, M. C. (2004). *Evaluation roots: Tracking theorists' views and influences*. Sage.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative and mixed method approaches*. Sage.
- Department of Statistics Singapore. (2021). *Singapore Census of Population 2020, Statistical Release 1: Demographic characteristics, education, language and religion*.
Diperoleh daripada <https://www.singstat.gov.sg/publications/reference/cop2020/cop2020-sr1>. ISBN 978-981-18-1381-8.
- Dolhamid, N. F. (2016). PM Lee: Dasar dwibahasa aset yang bezakan S'pura daripada negara lain. *BeritaMediaCorp*. Diperoleh daripada <https://berita.mediacorp.sg/singapura/pm-lee-dasar-dwibahasa-aset-yang-bezakan-s-pura-daripada-negara-348601>
- Ellis, R. (2009). The differential effects of three types of planning on fluency, complexity, and accuracy in L2 oral production. *Applied Linguistics*, 30(4), 474-509. <https://doi.org/10.1093/applin/amp041>
- Gopinathan, S. (1998). Language policy changes 1979–1997: Politics and pedagogy. In S. Gopinathan, A. Pakir, W. K. Ho, & V. Saravanan (Eds.), *Language, society, and education in Singapore: Issues and trends* (2nd ed., pp. 19–44). Times Academic Press.
- Halik, A. F. A., & Jayasundara, N. S. (2021). Lack of vocabulary: A barrier to the oral communication skills of GCE A/L students in the Trincomalee District of Sri Lanka. *මානව ශාස්ත්‍ර විද්‍යා ශාස්ත්‍රීය සංග්‍රහය*, 28, 81-92. Diperoleh daripada <https://journals.kln.ac.lk/jhu/media/attachments/2021/12/02/chapter-07.pdf>
- Humaera, I. (2015). Inhibition in speaking performance. *Journal of The Association for Arabic and English*, 1(1), 31-50.
- Izumi, S. (2003). Comprehension and production processes in second language learning: In search of the psycholinguistic rationale of the output hypothesis. *Applied Linguistics*, 24(12), 168-196. <https://doi.org/10.1093/applin/24.1.168>
- Izumi, S., & Bigelow, M. (2000). Does output promote noticing and second language acquisition? *TESOL Quarterly*, 34(2), 239-278. <https://doi.org/10.2307/3587742>

- Johnson, K., & Johnson, H. (1999). *Interaction hypothesis*. In *Encyclopedic dictionary of applied linguistics: A handbook for language teaching*. Blackwell Publishers.
- Johnson, R. B., & Christensen, L. (2014). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches* (5th ed.). Sage.
- Karayan, S., & Gathercoal, P. (2005). Assessing service-learning in teacher education. *Teacher Education Quarterly*, 32(3), 79-92.
- Lee, K. W. (2012). *My lifelong challenge: Singapore's bilingual journey*. Straits Times Press.
- Leong, L. M., & Ahmadi, M. (2017). An analysis of factors influencing learners' English speaking skill. *International Journal of Research*, 2, 34-41.
- Long, M. H. (1996). The role of the linguistic environment in second language acquisition. In W. C. Ritchie & T. K. Bhatia (Eds.), *Handbook of second language acquisition* (pp. 413-468). Academic Press.
- Ministry of Education (MOE). (2010). *Laporan Jawatankasa Semakan Bahasa Ibunda – Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap*. Kementerian Pendidikan Singapura.
- Ministry of Education (MOE). (2011). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2011*. Kementerian Pendidikan Singapura.
- Ministry of Education (MOE). (2015). *Jauhari Monitoring Report*. Ministry of Education.
- Muliadi, M. (2018). The effects of vocabulary mastery on speaking ability in view of communicative competence of the Ma Nw Nurul Haromain graders. *Jurnal Pendidikan Mandala*, 3(3). Diperoleh daripada <https://ejournal.mandalanursa.org/index.php/jupe/article/view/1324>
- Pawilen, G. T. (2019). *The teacher and the school curriculum: A guide to curriculum development practice*. Rex Book Store.
- Singapore Examination and Assessment Board. (2014). *GCE Ordinary Level for School Candidates*. Diperoleh daripada <https://www.seab.gov.sg>
- Stufflebeam, D. L. (2003). The CIPP model for evaluation. In *Kluwer international handbooks of education: International handbook of educational evaluation* (Vol. 9, pp. 31-62). Springer. https://doi.org/10.1007/978-94-010-0309-4_4
- Swain, M. (1995). Three functions of output in second language learning. In G. Cook, & B. Seidlhofer (Eds.), *Principle and practice in applied linguistics: Studies in honour of H. G. Widdowson* (pp. 125-144). Oxford University Press.